

*Artikel Penyelidikan*

# Menyelusuri Sejarah dan Latar Belakang Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.

**Hanis Khairina Muhammad Rusdan<sup>1</sup>, Nurul Izzah Mohd Roseliza<sup>2</sup>, Hazila Timan<sup>3</sup>, dan Jafalizan Md Jali<sup>4\*</sup>**

- 1 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022741503@student.uitm.edu.my](mailto:2022741503@student.uitm.edu.my);
- 2 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [2022919981@student.uitm.edu.my](mailto:2022919981@student.uitm.edu.my);
- 3 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [hazila@uitm.edu.my](mailto:hazila@uitm.edu.my);
- 4 Pusat Pengajian Sains Maklumat, Kolej Pengajian Pengkomputeran, Informatik dan Matematik, UiTM Cawangan Selangor; [jafalizan@uitm.edu.my](mailto:jafalizan@uitm.edu.my)  0009-0009-7236-9863
- \* Correspondence: [hazila@uitm.edu.my](mailto:hazila@uitm.edu.my)

**Abstrak:** Terdapat banyak bangunan lama dan bersejarah di Malaysia yang terbiar akibat kecuaian dan kesilapan manusia. Masalah seperti projek tergendala dan pembatalan kontrak pembinaan dari pihak kerajaan dan swasta merupakan antara punca permasalahan ini berlaku. Sekiranya masalah ini berlaku secara berterusan, ia akan memberi kesan kepada ekonomi negara seperti pihak kerajaan perlu membelanjakan kos tambahan untuk menyelenggara bangunan-bangunan terbiar tersebut. Sumber yang sepatutnya digunakan untuk pembangunan lain terpaksa ditangguhkan untuk menangani masalah bangunan-bangunan lama ini. Seterusnya, bangunan-bangunan seperti masjid yang ada di Malaysia ini mempunyai keunikannya yang tersendiri yang telah mencerminkan kepelbagaiannya budaya dan sejarah seperti rekaan seni bina, penggunaan seni ukiran kayu dan lain-lain. Oleh itu, kajian ini dijalankan untuk mengkaji sejarah penubuhan dan pembangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong. Di samping itu, kajian ini juga dilakukan untuk mengetahui faktor penubuhan pembangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dan juga untuk mengetahui struktur dan fungsi setiap bentuk bangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.

**Kata kunci:** Masjid Diraja, Tuanku Sultan Selangor, Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong, Jabatan Agama Islam Selangor, Kerajaan Negeri Selangor

DOI: 10.5281/zenodo.13925743

---



**Copyright:** © 2024 by the authors. Submitted for open access publication under the terms and conditions of the Creative Commons Attribution (CC BY) license (<https://creativecommons.org/licenses/by/4.0/>).

---

## 1. PENGENALAN

Dasawarsa ini, warisan budaya di Malaysia semakin lama semakin tidak dihiraukan oleh generasi muda sekarang. Ini berlaku kerana kurangnya pendedahan dan pengetahuan tentang warisan budaya yang terdapat di Malaysia ini lantas mengakibatkan warisan budaya tradisional di Malaysia terancam dan terhapus dalam sejarah warisan budaya di Malaysia. Untuk pengetahuan anda, warisan budaya tradisional adalah khazanah yang diwarisi daripada generasi terdahulu dalam pelbagai etnik, agama, bahasa dan kesenian dan tradisi. Warisan budaya Malaysia juga berperanan penting dalam memelihara identiti unik

negara dan mempromosikannya kepada dunia luar. Selain itu, amalan menjaga dan memelihara warisan budaya tradisional yang wujud di Malaysia adalah penting dalam mengekalkan identiti nasional Malaysia yang sememangnya terkenal dengan etnik, budaya, bahasa dan keharmonian beragama. Menurut Paul James (2006), konsep ini merujuk kepada kepelbagaiannya idea, makna, dan nilai-nilai parokial di mana masyarakat yang berfikiran sempit sebagai pengetahuan normatif atau universal yang diminati dan disebarluaskan dengan penuh semangat ke setiap pelosok dunia melalui budaya popular seperti media sosial, Internet, dan mobilisasi manusia.

Malaysia merupakan sebuah negara yang kaya dengan bangunan dan seni bina bersejarah yang menjadi mercu tanda kebanggaan seperti Bangunan Sultan Abdul Samad, Masjid Jamek di Kuala Lumpur, Bangunan Stadthuys di Melaka yang setiap satunya melambangkan negara Malaysia. Bangunan ini dianggap sebagai warisan bersejarah yang boleh meninggalkan kenangan berharga kepada negara. Menurut A. Ghafar Ahmad (1994), bangunan bersejarah mempunyai nilai sentimen dan budaya yang sangat tinggi dan perlu dipelihara dengan baik. Kebanyakan bangunan bersejarah terdiri daripada kedai dan rumah lama yang sering diancam kepupusan kerana tidak ada pengendalian yang baik terhadap bangunan tersebut. Jika keadaan ini berterusan, warisan seni bina di negara kita akan hilang. Oleh yang demikian, sejarah, budaya dan seni bina merupakan tapak warisan yang mesti dilindungi dalam pembangunan masyarakat setempat.

Seterusnya, bangunan-bangunan bersejarah juga terdiri daripada masjid-masjid lama yang terdapat di Malaysia dan mempunyai nilai warisan sejarah. Di samping itu, negara Malaysia adalah antara negara yang aktif dalam usaha untuk memelihara dan memulihara bangunan warisan yang lama termasuk tempat-tempat ibadat seperti masjid yang mempunyai reka bentuk tersendiri yang unik. Setiap masjid mempunyai reka bentuk unik yang tersendiri yang perlu kita pelihara seperti reka bentuk yang diadaptasi dari Timur Tengah seperti di Turki, Mesir dan lain-lain lagi. Menurut Ahmad (2010), tanggungjawab dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan warisan yang bernilai tinggi ini terletak pada semua pihak, sama ada kerajaan, atau badan bukan kerajaan dan juga masyarakat setempat. Malahan, bangunan yang mempunyai nilai warisan sejarah dan mempunyai nilai tinggi di negara Malaysia ini harus dipelihara kerana ia mempunyai nilai emosi, budaya dan fungsi yang penting dan berharga.

## 2. PERMASALAHAN KAJIAN

Permasalahan kajian merujuk kepada isu yang membawa kepada berlakunya masalah dan seterusnya mewujudkan keperluan dan dorongan untuk menjalankan kajian penyelidikan ini. Ia merujuk kepada bangunan-bangunan bersejarah seperti masjid-masjid lama yang banyak menghadapi halangan dan cabaran dalam usaha untuk menjaga dan mengekalkannya. Pertama sekali, permasalahan kajian adalah mengenai bangunan-bangunan bersejarah yang berada di Malaysia semakin lama semakin diabaikan dan tidak dipelihara walaupun mempunyai nilai-nilai warisan sejarah. Hal ini terjadi kerana terjadi perebutan antara beberapa pihak dalam pembinaan bangunan yang moden pada zaman sekarang menyebabkan bangunan-bangunan yang bersejarah ini tidak dipelihara dengan baik sehingga terjadinya pemusnahan kepada bangunan tersebut. Merujuk Syed Zainol Abidin Idid (1995), hasil inventori bangunan bersejarah di Malaysia yang dijalankan kajian oleh Muzium Negara pada tahun 1992,

dianggarkan terdapat kira-kira 35,000 bangunan yang lama sebelum perperangan di 265 bandar di seluruh negara Malaysia yang perlu dipelihara. Hal ini sangat penting untuk masyarakat sekeliling mengambil berat tentang isu ini kerana ia memberikan kesan yang buruk kepada negara Malaysia seperti bangunan-bangunan bersejarah ini mungkin akan dimusnahkan dan hilangnya warisan sejarah di negara Malaysia. Selain itu, bangunan-bangunan bersejarah di Malaysia ini haruslah dipelihara dengan baik oleh pihak kerajaan yang bertanggungjawab supaya tidak dituntut oleh negara-negara luar.

Seterusnya, permasalahan kajian yang kedua adalah tentang bangunan-bangunan lama yang memiliki nilai warisan bersejarah tetapi tidak dilakukan sebarang pemeliharaan dan pemuliharaan yang baik oleh pihak yang bertanggungjawab. Ini mengakibatkan bangunan-bangunan yang lama menjadi rosak dan hanya dibiarkan terbiar begitu sahaja. Jika pemuliharaan dijalankan dengan baik terhadap bangunan-bangunan tersebut, kebarangkalian bangunan-bangunan tersebut dapat digunakan sehingga sekarang. Menurut E. Hobson (2004), tanpa melakukan pemeliharaan yang berterusan kepada bangunan-bangunan lama tersebut, ia akan memberi kesan kepada bangunan tersebut seperti dikhawatirkan akan lenyap ditelan zaman. Identiti negara juga akan turut terkesan kerana tiadanya warisan seni bangunan bersejarah akibat kecuaian kita yang tidak melakukan pemeliharaan dan pemuliharaan terhadap bangunan-bangunan bersejarah tersebut. Oleh itu, adalah penting untuk memelihara bangunan bersejarah di Malaysia supaya generasi akan datang berpeluang melihat dan menikmatinya seperti yang dibina ratusan tahun yang lalu.

Di samping itu, permasalahan kajian yang ketiga adalah tentang masyarakat memiliki ilmu pengetahuan yang cetek terhadap bangunan-bangunan lama yang mempunyai warisan sejarah ini. Tanpa ilmu pengetahuan yang mendalam, ia akan memberi kesan kepada negara dengan melahirkan masyarakat yang lemah dan mundur. Ilmu pengetahuan tentang bangunan-bangunan bersejarah harus dimiliki oleh setiap masyarakat di negara ini dan mereka sewajarnya mempunyai kesedaran dalam memelihara dan memulihara bangunan-bangunan yang mempunyai nilai warisan sejarah di Malaysia ini. Menurut A. Ghafar Ahmad (1994), masyarakat-masyarakat sekarang tidak tahu apa yang dimaksudkan dengan pemeliharaan bangunan bersejarah. Malah, mereka menganggap proses pemeliharaan bangunan-bangunan bersejarah ini sama dengan pengubahsuaian seperti rumah biasa. Tanggapan ini adalah salah dan palsu. Pemuliharaan bangunan bersejarah ini hendaklah dijalankan mengikut prosedur yang sesuai supaya tidak menjaskankan nilai estetik atau struktur asal bangunan yang tersenarai. Hal ini sangat penting untuk membuat pemeliharaan terhadap bangunan bersejarah ini untuk mengekalkan bentuk asalnya, dan secara tidak langsung dapat memberikan gambaran tentang pembangunan dan teknik pembinaan bangunan tersebut pada masa yang lalu.

### **3. OBJEKTIF KAJIAN**

Objektif kajian adalah merupakan objektif-objektif yang ingin dicapai ketika membuat sesuatu kajian. Ini kerana objektif kajian menentukan hala tuju sesuatu kajian itu. Kajian tanpa objektif adalah kajian yang tidak bersasaran kerana tiada objektif atau tujuan untuk menjalankan sesuatu kajian. Seterusnya, dibawah ini merupakan objektif-objektif kajian tentang Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong seperti yang berikut:

- i. Untuk mengkaji sejarah penubuhan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.
- ii. Untuk mengetahui faktor penubuhan pembangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.
- iii. Untuk mengkaji struktur dan fungsi setiap bentuk bangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong.

#### **4. PERSOALAN KAJIAN**

Persoalan kajian adalah merupakan soalan-soalan kajian yang menjadi fokus kepada kajian tersebut. Selain itu, persoalan kajian juga adalah soalan yang berkaitan dengan objektif kajian. Di bawah ini bersertakan persoalan kajian tentang Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong seperti yang berikut:

- i. Apakah sejarah penubuhan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong?
- ii. Apakah faktor penubuhan pembangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong?
- iii. Apakah struktur dan fungsi setiap bentuk bangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong?

#### **5. KEPENTINGAN DAN SUMBANGAN KAJIAN**

Pertama sekali, dengan wujudnya bangunan-bangunan yang mempunyai nilai sejarah warisan seperti masjid-masjid lama mahupun masjid baru yang mempunyai nilai yang sama di Malaysia ini dapat memberikan kepentingan dan sumbangsahtera kepada masyarakat di Malaysia iaitu dari segi memberi ilmu pendidikan agama kepada masyarakat yang beragama Islam. Ini kerana kefahaman masyarakat terhadap ilmu agama ini sangat penting kerana ia adalah ilmu fardhu ain yang wajib dipelajari oleh umat Islam dan melalui mempelajari ilmu agama tersebut dapat mengetahui kelebihan dan kekurangan diri sendiri dalam ilmu agama. Ilmu pendidikan agama adalah seperti Al-Quran, tauhid, tajwid, faraid, ibadat dan hadis. Di masjid juga mereka telah menawarkan kelas agama untuk pelajar sekolah rendah mahupun sekolah menengah. Setiap masjid di Malaysia ini perlu mengadakan kelas seperti KAFA iaitu Kelas Al-Quran dan Fardhu Ain kerana ianya sangat penting diadakan kepada pelajar sekolah rendah supaya mereka dapat mempelajari ilmu-ilmu tersebut dari kecil lagi. Masjid juga membenarkan kepada masyarakat bukan Muslim untuk mempelajari Pendidikan Islam di mana mereka yang ingin tahu tentang Islam ini sendiri.

Seterusnya, kepentingan dan sumbangsahtera bangunan-bangunan bersejarah seperti masjid ini juga dapat menjadikan masjid ini sebagai tempat yang boleh melakukan aktiviti bermoral dan sosial. Untuk mengimarahkan lagi masyarakat untuk datang ke masjid, pihak masjid juga mestilah sering mengadakan aktiviti-aktiviti sosial yang dapat menaikkan lagi pembangunan sosial bersama masyarakat sekeliling. Dengan melakukan aktiviti-aktiviti bermoral di masjid, ia dapat membuktikan bahawa masjid ini sesuai untuk tempat masyarakat berkumpul tidak kira usia samada tua atau muda untuk melakukan aktiviti bersama supaya dapat mengeratkan lagi silaturrahim sesama mereka. Dengan mengadakan aktiviti-aktiviti bermoral di masjid juga, ia dapat memberikan sifat kerjasama antara mereka dan menimbulkan perasaan kasih sayang masyarakat sekeliling terhadap Islam dalam diri mereka. Ia juga dapat menimbulkan perasaan hormat dan kefahaman yang betul terhadap agama Islam ini sendiri.

Di samping itu, kepentingan dan sumbangan bangunan-bangunan bersejarah seperti masjid ini adalah sebagai pusat kegiatan agama dan masyarakat. Ini kerana masjid adalah tempat untuk mereka mempelajari ilmu agama seperti kuliah agama, syarahan agama, ilmu tentang pengurusan jenazah, mempelajari rukun solat yang betul dan juga mempelajari Al-Quran. Pada masa yang sama, masjid juga dapat menjadikan tempat untuk masyarakat mengadakan aktiviti seperti majlis korban dan akikah, majlis akad nikah, marhaban dan sebagainya. Masjid merupakan tempat yang seimbang dalam melakukan aktiviti kemasyarakatan dan mempelajari ilmu agama yang dapat memberi manfaat kepada masyarakat sekeliling. Dengan adanya keseimbangan ini di masjid, ia dapat menarik perhatian masyarakat yang bukan beragama Islam seperti pengunjung di luar negara yang datang ke Malaysia untuk mereka lebih mengetahui tentang tamadun Islam dan sebagainya.

## 6. TINJAUAN LITERATUR

Menurut Mufti of Federal Territory Office (2019), masjid merupakan institusi yang penting dalam membangunkan masyarakat. Menurut Ab. Halim Tamuri (2021), masjid adalah institusi keagamaan yang paling penting dalam Islam khususnya yang berkaitan dengan aspek pendidikan dan pembangunan masyarakat. Masjid mempunyai beberapa fungsi yang boleh dilaksanakan iaitu sebagai pusat pendidikan rasmi dan tidak rasmi, pusat dakwah, pusat perlindungan, pusat latihan, pusat pengimaranan, pusat pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi ummah dan pusat pemantapan pengurusan masjid. Menurut Mufti of Federal Territory Office (2019), peranan masjid termasuklah sebagai tempat untuk menyatukan masyarakat, tempat perbincangan dan membantu dalam menyelesaikan urusan dan permasalahan masyarakat. Masjid yang benar-benar berfungsi akan memberikan banyak faedah dan manfaat kepada masyarakat sekeliling seperti dalam aspek pembentukan kerohanian, keilmuan dan juga sebagai pusat rujukan dan khidmat kepada masyarakat sehingga boleh dikembangkan untuk pengislahan ekonomi dan sosial.

Menurut Ab. Halim Tamuri (2021), masjid memainkan peranan yang penting kepada masyarakat melalui program atau aktiviti yang dijalankan bagi tujuan pengimaranan masjid dan pembangunan ummah disamping dapat menarik lebih ramai jemaah dan orang luar untuk datang bagi mengimarkan masjid ini. Dengan demikian, masjid menjadi pusat segala aktiviti dan kegiatan umat Islam dalam melakukan kerja-kerja kebajikan. Dalam Islam, masjid merupakan pusat dan nadi kegiatan ummah, baik kerohanian atau keduniaan, seperti aktiviti yang menyentuh perhubungan antara manusia dengan pencipta dan perhubungan sesama mereka sendiri dalam menguruskan hal-hal mengenai keagamaan, sosial, ekonomi, keilmuan dan kenegaraan. Walaupun di Malaysia, masjid-masjid yang telah didirikan ini adalah kaya dengan nilai estetika yang memperlihatkan ciri keindahan yang menggabungkan pelbagai unsur seni bina dan mempunyai sistem pengurusan yang baik di setiap masjid.

Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong telah dirasmikan oleh Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor, Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj pada 16 Mac 2013. Masjid Diraja ini mula dibina pada bulan Mei 2010 dan siap sepenuhnya pada bulan Mac 2013. Ia dibina di atas kawasan seluas 2.07 hektar (5.12 ekar) dan masjid ini boleh memuatkan kira-kira 4,000 jemaah pada satu-satu masa. Masjid

Diraja ini dinamakan sempena nama Almarhumah Tengku Ampuan Jemaah binti Raja Ahmad iaitu Paduka Ninda Sultan Sharafuddin Idris Shah Alhaj iaitu Sultan Selangor Ke-9 (Shafezah Ab Wahab, 2013).

Menurut Abdullatif Al Fozan Award for Mosque Architecture (2019), idea awal dalam mereka bentuk masjid ini adalah melalui pendekatan moden. Idea ini telah disemak oleh pengetua kumpulan Senireka, Dato' Seri Nik Mohamed Mahmood Yang merasakan masjid ini perlu direka bentuk yang dapat mengingatkan orang ramai tentang agama Islam. Seni bina Al-Masjid Al-Haram di Makkah, Arab Saudi menjadi inspirasi dan dijadikan contoh seni binanya yang dapat membuatkan ramai umat Islam berasa aman dan tenteram semasa beribadat di dalamnya. Menurut Shafezah Ab Wahab (2013), Duli Yang Maha Mulia Sultan Selangor menitahkan agar reka bentuk Masjid Diraja ini perlu dibina dan dihiaskan dengan elemen-elemen seni bina Masjid seperti kubah, menara, gerbang taman dalaman dan sebagainya.

Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong telah direka bentuk dengan begitu megah dengan empat tiang menara utama yang berdiri di seberang dewan segi empat tepat dan mempunyai satu kubah. Sebuah chandelier bulat besar yang tergantung di kubah utama dan galeri solat wanita yang menghadap ke dewan solat utama dari tingkat atas. Keluasan lantai pula yang ditutup dengan permaidani merah rona hangat dan dinding kiblat yang ditampali dengan songket Melayu bercorak selain ceruk mihrab yang tersusun dan bersegmen dengan marmar. Pengaruh reka bentuk Melayu telah diserap melalui ukiran kayu cengal dari Kelantan (Abdullatif Al Fozan Award for Mosque Architecture, 2019). Menurut Shafezah Ab Wahab (2013), kubah, gerbang dan arca Masjid ini direka bentuk berdasarkan ciri-ciri masjid dari Timur Tengah, namun ia juga turut digabungkan dengan ciri-ciri tempatan yang diterapkan di dalam pembinaan Masjid. Antaranya, dalam seni ukiran kayu, batu berukir dan corak permaidani songket. Secara keseluruhannya, keindahan seni bina Masjid Diraja ini dapat dilihat dengan adanya keseimbangan gabungan elemen-elemen tempatan dan elemen Timur Tengah yang menghiasi masjid.

Oleh hal yang demikian, sumber kajian yang kami perolehi adalah tidak banyak. Sumber kajian daripada Online Finding Aid (OFA) adalah sebanyak tiga carian sahaja mengenai majlis perasmian Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong pada 16 Mac 2013. Tidak banyak maklumat yang diperolehi di OFA disebabkan tidak ramai penyelidik yang menjalankan kajian penyelidikan mengenai sejarah dan latar belakang bangunan masjid ini. Selain itu, masjid ini juga mempunyai media sosial termasuk Facebook, Instagram, Tiktok dan Youtube. Facebook mempunyai seramai 106 ribu orang pengikut. Instagram pula mempunyai 1,634 siaran dan Tiktok mempunyai video sebanyak 2,163. Manakala, Youtube mempunyai sebanyak 59 video. Oleh kerana kami kekurangan sumber kajian penyelidikan mengenai masjid ini untuk diperoleh, ia telah mendorong kami untuk mengetahui dan mencari tahu dengan lebih lanjut mengenai masjid ini dan kami telah memutuskan bersama untuk menjalankan kajian penyelidikan ke atas masjid ini terutamanya mengenai sejarah dan latar belakang bagi Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong supaya kajian penyelidikan kami ini dapat memberikan maklumat dan pengetahuan secara terperinci kepada para penyelidik di luar sana sebagai rujukan kajian mereka yang akan datang.

## 7. METODOLOGI

Antara metodologi yang digunakan dalam pendokumentasian sejarah lisan ini adalah melalui kaedah kajian lisan, melalui penelitian dokumen dan melalui temubual. Sejarah lisan merupakan salah satu kaedah yang digunakan dalam penyelidikan sejarah bagi mendapatkan dan mengesahkan kebenaran sesuatu fakta sejarah yang diperolehi yang amat penting dalam mencatat kejadian lepas yang pernah dilalui oleh seseorang itu (Han Lin, 2020). Seterusnya, antara metodologi yang digunakan dalam kajian ini adalah melalui kaedah sejarah lisan. Kaedah sejarah lisan merupakan suatu kaedah penyelidikan moden yang bertujuan untuk mendapatkan maklumat dan pengetahuan mengenai sejarah masa lampau dan peristiwa yang sudah berlalu yang akan turut dirakamkan sejarah lisannya untuk tujuan pemeliharaan dan pendokumentasian.

Selain itu, melalui penelitian dokumen. Metodologi secara kualitatif akan digunakan untuk mengumpul data dan maklumat yang komprehensif tentang sejarah pembangunan dan latar belakang Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong. Terdapat beberapa bentuk metodologi secara kualitatif bagi pengumpulan data iaitu melalui temu bual bersama responden, kajian lapangan, analisis dokumen dan pemerhatian. Seterusnya, pengumpulan data juga boleh didapati melalui pencarian maklumat daripada sumber internet seperti laman web, artikel-artikel, keratan akhbar dan juga di arkib negara.

Tambahan pula, melalui temu bual. Temu bual yang dijalankan adalah melalui platform bersemuka antara penyelidik dan responden. Temu bual akan dijalankan bersama responden yang pakar dan berpengalaman mengenai latar belakang dan sejarah penubuhan bagi bangunan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong. Melalui temu bual inilah pelbagai data dan maklumat dapat dikumpulkan oleh penyelidik untuk kajian penyelidikan mereka. Secara amnya, temu bual ini akan dijalankan terhadap responden dan akan direkodkan melalui rakaman suara. Seterusnya hasil data daripada jawapan responden semasa temu bual tersebut akan dikumpulkan dan dianalisis sebagai maklumat untuk tujuan membuat transkrip bagi mendokumentasikan dan menerbitkannya menjadi artikel bagi memenuhi keperluan kursus kajian penyelidikan ini.

## **7.1 PENDEKATAN KAJIAN**

Pendekatan kajian yang digunakan penyelidik adalah pendekatan kualitatif melalui kaedah sejarah lisan. Sejarah lisan adalah bidang pengajian dan kaedah mengumpulkan, memelihara dan menafsirkan suara dan kenangan orang, masyarakat, dan peserta dalam peristiwa masa lalu. Sejarah lisan adalah kedua-dua jenis penyelidikan sejarah yang tertua, mendahului perkataan bertulis, dan salah satu yang paling moden, dimulakan dengan perakam pita pada tahun 1940-an dan sekarang menggunakan teknologi digital abad ke-21 (Perpustakaan Universiti Malaya, 2024).


Sejarah lisan amat penting dalam membawa dan memperkenalkan sejarah dari luar ke dalam sesebuah masyarakat atau sebaliknya dan membantu dalam memberikan gambaran yang lebih lengkap dan jelas mengenainya. Melalui sejarah lisan ini, pihak yang ditemu bual dapat memberi perspektif baharu tentang peristiwa sejarah kerana responden juga boleh terdiri daripada orang biasa dan bukan golongan elit sahaja. Dengan cara ini, ia dapat membantu meningkatkan harga dan keyakinan setiap lapisan

masyarakat. Ia juga boleh menjadi pencetus kepada masyarakat untuk lebih mengetahui sejarah mereka sendiri dan seterusnya merangsang minat mereka terhadap penyelidikan sejarah tempatan (Han Lin, 2020). Melalui kajian lisan, penyelidik akan menggunakan kaedah tinjauan temu bual bersama tokoh yang terpilih bagi mendapatkan data dan maklumat secara terperinci untuk tujuan kajian penyelidikan. Kajian lisan ini seterusnya akan direkod dan didokumentasikan bertujuan untuk dijadikan rujukan oleh generasi pada masa hadapan.

## **7.2 PESERTA KAJIAN**

Penyelidik menyedari dan melihat bahawa Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong merupakan masjid yang mempunyai keindahan dan keunikan seni bina Islam yang perlu dipelihara. Jadi, penyelidik memilih Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong bagi menjalankan kajian pendokumentasi lisan kerana penyelidik percaya bahawa masjid ini mempunyai banyak keunikan dan keindahan dari segi reka bentuknya yang berkaitan dengan seni bina islam yang sangat bernilai dan berharga. Keindahan dan keunikan reka bentuk seni bina Islam yang terdapat di masjid ini perlu dipelihara dan dikekalkan kerana ia merupakan identiti kita yang beragama Islam dalam membangunkan kemajuan negara. Oleh itu, penyelidik menyedari kepentingan dalam pembangunan masjid ini dan akan mengambil inisiatif untuk melakukan pendokumentasian sejarah lisan bagi tujuan mendokumentasikan dan menerbitkannya untuk menjadi rujukan generasi pada masa akan datang. Walaubagaimanapun, tokoh yang akan dipilih untuk ditemu bual ialah Ustaz Abas bin Mohamad Yusof yang merupakan pengurus dan imam besar di Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dan juga Encik Ahmad Hitaimi bin Haji Zahari yang merupakan Ahli Jawatankuasa Pembangunan Masjid dan Ahli Lembaga Tadbir Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong. Tokoh yang terpilih ini adalah seorang yang arif dan berpengalaman tentang masjid tersebut supaya pihak tokoh dapat memberikan maklumat yang tepat dan lebih terperinci sesuai dengan keperluan kajian penyelidikan yang dijalankan oleh penyelidik.

### 7.3 PROSEDUR PENGUMPULAN DATA



Platform yang akan digunakan penyelidik adalah melalui pendekatan:

- Face to face*: Temu bual adalah dijalankan secara bersempua mengikut tarikh, masa dan tempat yang bersesuaian antara responden dan penyelidik bagi mendapatkan data dan maklumat yang berkenaan dengan lebih terperinci untuk melakukan kajian penyelidikan.

### 8. HASIL KAJIAN

Daripada hasil kajian ini, penyelidik mendapati bahawa memelihara bangunan yang memiliki nilai warisan budaya ini sangat penting untuk negara tidak kira sama ada bangunan yang lama atau yang baru. Warisan budaya merupakan perkara yang berkait rapat dengan kehidupan dan keperibadian masyarakat Malaysia. Tambahan pula, warisan budaya itu juga merupakan identiti sesuatu bangsa dan maruah masyarakat Malaysia. Selain itu, kepentingan dalam memelihara warisan budaya dapat meningkatkan ekonomi negara dalam sektor pelancongan dengan menarik pelancong dari luar negara datang ke Malaysia untuk melihat warisan budaya sejarah seperti bangunan-bangunan bersejarah, bahan-bahan artifak yang dimiliki di muzium-muzium di Malaysia, seni kebudayaan, kraftangan dan sebagainya. Dengan memelihara dan memulihara warisan budaya kita, generasi yang akan datang dapat mengetahui

bahawa betapa pentingnya warisan budaya di Malaysia ini. Oleh itu, ia dapat memberikan pelajaran dan ilmu kepada generasi yang akan datang tentang warisan budaya yang terdapat di negara kita ini.

Selain itu, seni reka bentuk bangunan merupakan kepentingan untuk warisan budaya sejarah kita. Ini kerana bangunan-bangunan bersejarah yang berada di Malaysia ini mempunyai keunikan yang tersendiri dari segi reka bentuk binaan seperti bangunan bersejarah Sultan Abdul Samad yang berada di Dataran Merdeka itu memiliki seni binaan dari pengaruh Inggeris dan Islam. Oleh itu, seni reka binaan bangunan penting kepada negara kerana setiap rekaan bangunan itu mempunyai sejarah-sejarah tersendiri yang perlu kita pelihara dan menjaga dengan baik. Seterusnya, setelah menjalankan penyelidikan dan kajian ke atas Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dari segi struktur dan seni reka bentuknya, masjid ini memiliki cita rasa yang menarik dan unik dengan mempunyai empat menara dan satu kubah. Tambahan pula, dari segi warna yang digunakan untuk masjid ini hanya menggunakan satu warna cat sahaja iaitu warna tanah seperti di negara Timur Tengah.

Akhir sekali, hasil kajian yang penyelidik dapati sepanjang menjalankan kajian penyelidikan ini adalah kita dapat mengetahui betapa pentingnya untuk mengkaji dan mencari maklumat yang berharga dan tidak pernah didokumentasikan sebelum ini. Jadi, usaha-usaha dalam mengumpul maklumat sejarah lisan perlu dijalankan supaya peristiwa dan kisah yang bersejarah sebelum ini tidak akan lenyap begitu sahaja tanpa ada sebarang rekod dan penulisan sejarah yang tercatat. Oleh itu, kajian penyelidikan seperti sejarah atau pendokumentasian lisan ini sangat penting untuk dijalankan supaya kita dapat memelihara maklumat dan pengetahuan yang penting mengenai sejarah warisan budaya itu sendiri yang terdapat di negara ini supaya ia dapat direkodkan dan didokumentasikan untuk rujukan generasi pada masa akan datang. Hal ini seterusnya dapat menarik minat masyarakat akan datang untuk lebih mendalam dan memahami sejarah warisan budaya yang unik yang terdapat di bangunan-bangunan berharga ini yang mempunyai sejarahnya yang tersendiri. Ia juga dapat membuka mata lebih ramai masyarakat akan datang mengenai betapa pentingnya untuk kita semua mengekalkan dan memelihara warisan sejarah pembangunan ini supaya ia tidak ditelan zaman.

Secara keseluruhannya, kajian penyelidikan ini telah memberikan banyak pengetahuan dan pemahaman yang lebih mendalam mengenai sejarah latar belakang penubuhan dan pembinaan Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong dari segi reka bentuk seni binanya, struktur dan fungsi bagi setiap reka bentuk, dan kelebihan serta keunikan yang terdapat di masjid ini yang perlu dijaga dan dipelihara bersama untuk kebaikan masyarakat setempat dan generasi yang akan datang.



**Gambar 1: Masjid Diraja Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong**

## 9. KESIMPULAN

Bangunan-bangunan bersejarah seperti masjid, muzium, mercu tanda, rumah-rumah lama dan bangunan-bangunan yang memiliki sejarah mereka tersendiri haruslah dipelihara dan dikekalkan kerana ia merupakan identiti di negara kita dalam menyampaikan ilmu, pertukaran budaya, memupuk pemahaman global dan penghayatan seni. Sehubungan dengan itu, sejarah lisan ini adalah amat penting dalam penyelidikan dan penulisan sejarah bagi tujuan pendokumentasian untuk rujukan generasi yang akan datang supaya ia dapat diambil sebagai pengetahuan, pengajaran dan tauladan terutamanya kepada mereka yang tidak pernah mengalami peristiwa sejarah tersebut. Akhir sekali, diharapkan kajian penyelidikan ini dapat memberikan gambaran sedikit sebanyak tentang betapa pentingnya kita memelihara dan mengekalkan gaya hidup tamadun Islam dan warisan kesenian islam di negara kita seperti yang terdapat di masjid ini.

**Acknowledgements:** First of all, we are grateful to Allah s.w.t with His abundant grace that we were able to successfully complete this oral history project assignment to meet the requirements of this course code, Oral Documentation (IMR604) within the specified time frame. First of all, we would like to say a million thanks to Ustaz Abas Bin Mohamad Yusof and Encik Ahmad Hitaimi Bin Haji Zahari for their willingness interviewed as a figure for this Oral Documentation project to complete the study of our research which is entitled the history of the establishment and development of the Tengku Ampuan Jemaah Bukit Jelutong Mosque. We greatly appreciate their willingness and cooperation. Next, we would also like to thank Mr. Jafalizan Bin Md. Jali, our lecturer for the Oral Documentation subject (IMR604) for his effort in giving us advice and guidance in this Oral Documentation assignment and we were able to complete this assignment successfully. Without his guidance, we may not be able to complete this task smoothly. Finally, we would also like to thank our family and friends for giving help, support and encouragement when we experience hardships and challenges throughout completing this assignment. Truly only Allah s.w.t. only one can repay their kindness.

## RUJUKAN

- Abdullatif Al Fozan Award for Mosque Architecture. (2019). *Tengku Ampuan Jemaah Mosque*. Mosqpedia.org. <https://mosqpedia.org/en/mosque/1338>
- Ab Halim Tamuri. (2021). Konsep Dan Pelaksanaan Fungsi Masjid Dalam Memartabatkan Masyarakat: *International Journal of Mosque, Zakat and Waqaf Management*, 1 (1-12). <https://doi.org/10.53840/almimbar.v1i1.11>
- A. Ghafar Ahmad. (1994). *Pengenalan kepada bangunan dan monumen lama di Malaysia*. Bengkel menangani Masalah Pemuliharaan Bangunan Lama di Malaysia, 19-22hb. Disember 1994, Perak. Kota Ngah Ibrahim, Taiping.
- Ahmad, D. A. (2010). Pemuliharaan Bangunan Warisan di Malaysia; Pengalaman dan Cabaran Masa Depan. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.
- Han Lin, S. (2020). *Sejauhmanakah Sejarah Lisan penting dan diperlukan dalam penyelidikan dan penulisan sejarah ?* ResearchGate.[https://www.researchgate.net/publication/342923894\\_Sejauhmanakah\\_Sejarah\\_Lisan\\_penting\\_dan\\_diperlukan\\_dalam\\_penyelidikan\\_dan\\_penulisan\\_sejarah](https://www.researchgate.net/publication/342923894_Sejauhmanakah_Sejarah_Lisan_penting_dan_diperlukan_dalam_penyelidikan_dan_penulisan_sejarah)
- Hobson, E. (2004). *Conservation and planning*. Spoon Press, London.
- Mufti of Federal Territory Office. (2019). Bayan Linnas Siri Ke-206: *Pengimaranan Masjid: Tugas Kita*. Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan. <https://muftiwp.gov.my/en/artikel/bayan-linnas/3618-bayan-linnas-siri-ke-206-pengimaranan-masjid-tugas-kita>
- Paul James. (2006). *Globalism, Nationalism, Tribalism: Bringing Theory Back In*. SAGE Publications Ltd. [https://www.academia.edu/1642214/Globalism\\_Nationalism\\_Tribalism\\_Bringing\\_Theory\\_Back\\_In\\_2006\\_](https://www.academia.edu/1642214/Globalism_Nationalism_Tribalism_Bringing_Theory_Back_In_2006_)
- Perpustakaan Universiti Malaya. (2024). Sejarah Lisan. [Perpustakaan.um.edu.my](https://perpustakaan.um.edu.my/sejarah-lisan).
- Shafezah Ab Wahab. (2013). *Masjid Tengku Ampuan Jemaah*. Dewan di-Raja Selangor.
- Syed Zainol Abidin Idid (1995). Pemeliharaan warisan rupa bandar: Panduan mengenali Warisan rupa bandar berasaskan inventori bangunan warisan Malaysia. Badan Warisan Malaysia, Kuala Lumpur.